



Zakat Dan Dakwah: Peranan Panel Temuduga

MAHASIN MEARAJ^{1,a}, SITI NOOR AIN AZIZ^{2,b}, IJLAL SAJA^{3,c..}, SYAIMAK ISMAIL^{4,d} dan ALWI MOHD YUNUS^{5,e}

^{1&2}Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

³Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

⁴Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis

⁵Universiti Teknologi MARA Shah Alam

^amahas220@uitm.edu.my, ^bsitin308@uitm.edu.my, ^cijlalsaja@uitm.edu.my, ^dsyaimak@uitm.edu.my
&^ealwiyunus@uitm.edu.my

Abstrak

Malaysia dalam era madani sedang berusaha untuk menjadikan taraf hidup penduduknya ke arah 0% sifar kemiskinan. Isu ini juga turut dirasai di peringkat institusi pengajian tinggi yang memberi kesan besar termasuklah Institusi Pendidikan tinggi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang mempunyai 70% pelajar yang tergolong dalam kalangan B40 termasuklah asnaf. Angka ini membimbangkan kerana masalah yang timbul bukan sahaja melibatkan kewangan tetapi membawa kepada masalah lain penyakit yang dihadapi pelajar termasuklah, penyakit kesihatan mental, tekanan hidup, dan masalah keluarga. Hal ini perlu ditangani dengan serius kerana ia boleh menjelaskan pencapaian akademik pelajar dan kestabilan hidup. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan panel temuduga untuk diaplikasikan cara berdakwah yang sesuai dan diaplikasikan kepada pelajar asnaf dalam usaha melaksana transformasi minda dan sikap golongan asnaf dikalangan staf dan pelajar di UiTM. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan data sekunder yang dikumpul daripada penerbitan, laman web, buku, artikel jurnal, rekod dalaman sistem eZakat dan panel zakat yang terlibat dengan proses temu duga zakat. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa peranan dakwah kepada golongan asnaf dalam zakat memberi impak kepada ekonomi, gaya hidup pelajar, pencapaian akademik serta kestabilan hidup secara konsisten.

Keyword: Zakat, dakwah, panel temu duga zakat

1. Pendahuluan

Zakat merupakan elemen yang sangat penting dalam pembangunan sosial khususnya umat Islam. Dimensi zakat yang Allah SWT perintahkan kepada umat Islam mampu menjadikan kehidupan umat Islam tidak mlarat, disayangi, saling bersilurrahim, hormat-menghormati dan berkasih sayang, empati serta wujud rasa persaudaraan seluruh dunia. Hal ini bertepatan dengan dengan konsep mendidik semua umat Islam supaya melakukan kewajipan untuk mengeluarkan zakat. Zakat adalah momentum utama yang menjadikan khalifah Saidina Abu Bakar As-Siddiq memerangi umat Islam yang tidak membayar zakat. Tindakan drastik ini dilakukan setelah kewafatan Rasulullah SAW. Kempen membayar zakat diteruskan oleh semua agensi baik di Malaysia atau antarabangsa. Sekaligus membasmi kemiskinan dan kelaparan. Pada zaman Saidina Umar bin Abdul Aziz menyaksikan bahawa, pemerintahannya berjaya menjadikan zakat dikembalikan kepada diri sendiri kerana sifar kemiskinan. Keutuhan pelaksanaan zakat menjadi suatu perkara yang amat penting khususnya dapat meneguhkan aqidah umat Islam. Malaysia dalam usaha menjadikan taraf hidup 0% kemiskinan termasuk Institusi Pengajian Tinggi. Menurut Mohamad Hafiz Yusoff Bakri (2022), Universiti Teknologi MARA (UiTM) mempunyai 70% pelajar yang tergolong dalam kalangan B40 termasuklah asnaf. (Mohamad Hafiz Yusoff Bakri, 2022). AAngka ini membimbangkan kerana masalah yang timbul bukan sahaja melibatkan kewangan tetapi penyakit yang dihadapi pelajar, tekanan hidup, dan masalah keluarga. Hal ini perlu ditangani dengan serius kerana menjelaskan pencapaian akademik pelajar dan kestabilan hidup. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cara berdakwah dan yang sesuai diaplikasikan kepada pelajar asnaf dan mengkaji peranan panel temu duga zakat dalam mendekati golongan asnaf dikalangan staf dan pelajar di UiTM.

2. Konsep Zakat, Dakwah Dan Hubungannya Dengan Panel Temu Duga

Zakat diambil dari perkataan membersihkan sesuatu yang bererti menambahkan dan menyuburkan. Dinamakan juga taharah (pembersihan dan penyucian) dibuktikan dalil di dalam surah as-Syam ayat 9 (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugha & Ali as-Syarbani, 2016). Zakat juga ertinya subur dan menyucikan. Maksud yang lain adalah subur pahala di sisi Allah SWT kerana dengannya menyucikan tuannya dan meningkatkan iman tuannya (Muhamamd Idris al-Marbawi, 2012). *Kamus Ma'ani al-Jami'* juga memberi maksud zakat yang sama iaitu, penyucian. Namun begitu, penyucian di sini bermakna penyucian harta mengikut haul dan nasab yang merupakan salah satu rukun Islam daripada lima rukun iaitu, salah satunya zakat harta. Adapun zakat fitrah merupakan sedekah wajib yang dikeluarkan bermula awal bulan Ramadan sehingga sebelum sunat hari Raya Aidilfitri (*Al-Ma'ani li Kulli Rasm Ma'na*, 2010). Menurut Syed bin Ali bin Wahf al-Qahtani (2010) pula, zakat ialah suatu kesucian, pertumbuhan, keberkatan, tambahan yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis. Apa-apa yang di sucikan daripadanya termaktub dalam surah An-Nur ayat 21.



Sebagaimana juga dinyatakan dalam surah An-Nur ayat 5 yang menyuruh agar manusia mengeluarkan zakat sebagai suatu kebaikan kepada makhluk yang lemah dan fakir (Imam Ibn Kathir, 2015). Wahbah al-Zuhayli (1989) menjelaskan dalam *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* iaitu, ibadat kewangan mengikut yang mana mana orang Islam yang memiliki kekayaan (mal) sama dengan atau melebihi had yang ditetapkan (nisab) perlu diberikan pada kadar yang telah ditetapkan (Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, 2008). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Padahal mereka hanya diperintah menyembah Allah dengan ikhlas mentaati-Nya semata-mata kerana (menjalankan) agama, dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar).

(Surah Al-Bayyinah: 5)

Makna “dakwah” dalam *Mujam Ummahat al-Af’al* (1997), adalah sebagai seruan kepada Allah SWT, seruan manusia ke arah pengislahan daripada perbuatan buruk, membaiki manusia ke arah keimanan dan pengibadatan serta memberi makna kepada memperelokkan. Selain itu, beberapa ulama agung tersohor telah mendefinisikan perkataan “dakwah”. Antaranya Al-Maudud mendefinisikan “dakwah” dengan maksud bangkit menyeru kepada seruan Allah SWT. Ibn Batutah pula mendefinisikan “dakwah” iaitu, dibangkitkan rasul menyeru kepada Allah SWT. Manakala Ibn Qutaibah mendefinisikan “dakwah” dengan menyeru kepada yang bermanfaat dan menolak yang mudarat. Dari sudut pandangan Qutb (2000) pula, yang dimaksudkan dengan “dakwah” ialah dakwah untuk agama Allah SWT, bukan untuk kepentingan pendakwah atau kepentingan kaumnya dengan bermatlamatkan menunaikan kewajipan kepada Allah SWT. Menurutnya lagi, dakwah hendaklah dengan jalan lemah-lembut, bukan dengan menggunakan cara kasar atau kecaman. Bukan juga dengan mendedahkan kesalahan yang berlaku kerana kejahilan. Pandangan lain tentang “dakwah” diberikan oleh Ibn Manzur (t.th) tentang makna “dakwah” ialah, seruan kepada dar al-salam (Syurga) dan Allah SWT memberikan hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki ke jalan yang lurus. Oleh itu, dakwah perlu dilaksanakan oleh semua golongan yang beriman dan muslim untuk menyuruh kebaikan dan menghindar kemungkar. Salah satu metode pendakwah adalah aspek panel temu duga agar asnaf dapat dipelihara dan dijaga dengan baik.

Di dalam kandungan ayat al-Quran, surah an-Nahl, ayat 125, Allah SWT telah memberikan panduan kepada Rasulullah SAW sebagaimana corak manhaj yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS kepada manusia. Ayat di atas mengandungi tiga cara yang berkesan untuk menyampaikan seruan dakwah dalam perlaksanaan zakat iaitu:

a) Metode dakwah *al-hikmah*:

Metode dakwah adalah cara tertentu yang dilakukan oleh seorang *da’i* (komunikator) kepada *mad’u* (komunitikan) untuk mencapai sesuatu tujuan atas dasar hikmah dan kasih sayang dan saling empati (Hasan Bastomi, 2016).

b) Metode dakwah *al-mauizah hasanah*:

Metode ini dilakukan dengan menasihati golongan asnaf secara lisan masuk dari hati ke hati dengan menyelami perasaan halus mereka. Metode ini juga bukanlah mencela dan mengherdik kesalahan penggunaan bantuan zakat disalahgunakan atau diselewengkan. Selain itu, metode ini memberikan nasihat dan motivasi mengenai peringatan sama ada baik atau buruk.

c) Metode dakwah *mujadalah*:

Mujadalah membawa makna seruan dan berdialog dengan *mad’u*. Ayat أَدْعُ إِلَي سَبِيلِ رَبِّكَ membahaskan bahawa, serulah wahai Muhammad kepada manusia seluruh alam ke jalan agama Allah SWT mengikut al-Quran dan sunnah.

Ringkasnya, metode dakwah *al-hikmah*, *al-mauizah hasanah* dan *mujadalah* ini dapat diaplikasikan oleh panel temu duga untuk melaksanakan tugas menyeru kepada pemohon zakat yang mempunyai pelbagai latar belakang. Ada dalam kalangan mereka mempunyai masalah keluarga, penceraian ibu bapa dan ibu bapa dalam kalangan warga tua yang sudah tidak mampu untuk bekerja. Menjadi panel temu duga merupakan amanah yang sangat penting pada masa kini. Tugasnya bukan sahaja temu duga pelajar yang memohon zakat, malah berfungsi sebagai pendakwah yang mana skopnya lebih luas lagi daripada aspek dakwah. Institusi yang menyalurkan dana zakat perlu mengambil kira ekonomi pada masa kini. Selain itu, perlu juga melihat kepada dakwah melalui kaunseling atau komunikasi kepada para asnaf. Di samping itu juga, merujuk faktor kepada pendekatan dan hubungan bersama Majlis Agama Islam Negeri dan Badan Bukan kerajaan (NGO). Malah perlu memberi kesedaran kepada masayarakat luar tentang kewajipan membayar zakat serta menyantuni asnaf.



2.1 Penyakit kesihatan mental, tekanan hidup, dan masalah keluarga

Penyakit mental dikaangan mahasiswa amat membimbangkan. Menurut Azlina Mohd Khir (2022) pensyarah perlu peka pelajar yang bermasalah dalam aspek kemurungan, keletihan, perubahan sikap, tingkah laku and emosi. Keadaan ini akan menjadikan pembelajaran merosot dan tidak fokus. Masalah mental satu dari empat pelajar universiti terjejas akibat masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Kemurungan merujuk kepada perasaan sedih yang berterusan dan kehilangan minat dalam melakukan aktiviti. Penghidap sukar menumpukan perhatian, hilang selera makan, keletihan dan wujud keinginan untuk membunuh diri. Rawatan untuk kemurungan biasanya melibatkan psikoterapi, ubat antidepresan atau gabungan kedua-duanya. Mohd. Hafiz Zulfakar & Muhammad Hafizi Zamri (2023). Rata-rata pelajar mempunyai masalah dalam keluarga. Ada di kalangan mereka yang ditinggalkan ayah tanpa memberikan nafkah dan hilang tempat kebergantungan disebabkan kedua ibu bapa mereka telah meninggal dunia (Unit Zakat Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor). Oleh itu masalah ini perlu diberikan perhatian serius oleh warga agar dapat membantu pelajar berdikari dengan baik dan menjalankan kehidupan seharian seperti rakan sebaya yang lain. Tekanan hidup yang dhadapai adalah masalah utama menjadikan pelajar tidak fokus dan hilang tumpuan pembelajaran

3. Metode Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini menganalisis secara tematik sumber dokumen menerusi sistem eZakat UiTM Cawangan Johor. Selain itu, data juga dianalisis daripada jurnal, buku, artikel dan laman web. Profil panel temu duga yang terdiri daripada 36 orang sebagaimana dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Profil Panel temuduga zakat

Jawatan	Bilangan panel temuduga	Kurang 5 tahun	Lebih 5 tahun
Staf akademik	28	19	17
Staf pentadbiran	8		

Sumber: Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor

Berdasarkan Jadual 1, panel yang terlibat dengan temu duga zakat mempunyai pengalaman lebih 5 tahun adalah seramai 17 orang dan panel yang kurang 5 tahun pengalaman adalah seramai 19 orang. Panel ini terdiri dari staf akademik dan pentadbiran. Pendekatan kualitatif dipilih kerana pengkaji dapat menginterpretasi data dengan cara memberikan makna, menerjemahkan dan menjadikan hasil interpretasi itu sebagai data. Oleh yang demikian, pengkaji memiliki ruang kebebasan untuk menginterpretasi data-data yang diperoleh secara deskriptif bagi menjawab permasalahan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kepustakaan dengan mengambil rujukan daripada data-data sekunder seperti buku, jurnal dan laman sesawang. Data-data tersebut kemudian dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif analisis. Kajian ini merupakan kajian kualitatif data sekunder yang dikumpul lebih awal daripada penerbitan, laman web, buku, artikel jurnal, rekod dalaman sistem eZakat, Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor.

4. Dapatan Dan Perbincangan

4.1 Peranan Panel Temu Duga Zakat

Peranan panel temu duga zakat sangat memainkan peranan yang meluas. Metod yang dimainkan juga sangat penting agar keberkesanannya temu duga dapat dijalankan dengan baik. Dapatan dan perbincangan adalah sebaagaimana berikut:

4.1.1 Penilai Golongan Layak

Panel temu duga juga berperanan untuk menilai pemilihan golongan yang layak untuk menerima zakat. Pada tahun 2022, satu kenyataan bahawa 70 peratus daripada 185,400 pelajar UiTM terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah (B40). Hanya 55,620 atau 30 peratus pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat diploma dan ijazah itu berasal dari keluarga berpendapatan sederhana (M40) dan pendapatan tinggi (T20) (Mohamad Hafiz Yusoff Bakri, 2022). Kenyataan ini menunjukkan bahawa, berlakunya peningkatan permohonan bantuan zakat yang disalurkan kepada para pelajar pada setiap semester. Dapat dianalisiskan jumlah pelajar di UiTM Cawangan Johor yang memohon zakat pada Oktober 2021 adalah seramai 229 orang. Manakala pada semester Mac 2022 pula adalah seramai 268 orang. Seterusnya pada Oktober 2022 adalah seramai 419 orang dan Mac 2023 adalah seramai 410 orang. Hal ini dapat ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 2 berikut:



Jadual 2: Taburan Pemohon Bantuan Zakat

Sesi	Jumlah pemohon zakat
Oktober 2021	229
Mac 2022	268
Oktober 2022	419
Mac 2023	410

Sumber: Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor

Data permohonan bantuan zakat ini dapat disimpulkan khususnya kajian di UiTM Cawangan Johor (Unit Zakat Sedekah Wakaf UiTM Cawangan Johor, 2023). Seramai 70% pemohon zakat dikalangan fakir dan miskin mengalami peningkatan pada semester Ogos sebanyak 14% pada tahun 2022. Manakala Pada Februari 2023 melonjak ke 36% dan pada semester Ogos 2023 menurun sebanyak 2.1%. pada Ogos 2023. Oleh kerana jumlah ini meningkat, beberapa strategi awal perlu dijalankan bagi kelancaran bantuan. Antara bantuan yang disalurkan adalah bantuan sara hidup, bantuan yuran pengajian yang memenuhi *hajiyah* pelajar majoriti panel temu duga zakat memaklumkan kesukaran pelajar untuk membeli makanan majoriti adalah sehari sekali. Hal ini menunjukkan keperluan pelajar yang utama adalah makanan. Secara adatnya, menurut Pakar Nefrologi Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Muhammad Iqbal Abdul Hafidz berkata, “masyarakat Malaysia boleh dikatakan, kebanyakannya makan tidak kurang daripada lima kali dalam sehari” (Nur Iftitah Rozlan et al., 2022). Keperluan ini serba sedikit dapat mengatasi masalah tidak fokus belajar kerana dalam keadaan kelaparan. Bentuk bantuan zakat yang dinyatakan ini dapat dirujuk sebagaimana berikut:

Jadual 3: Bentuk Bantuan

Bil.	Bentuk bantuan	Peratus Penerima Bantuan
1.	Bantuan Sara Hidup	79%
2.	Bantuan Sara Hidup & Yuran Pengajian	16%
3.	Yuran Pengajian	4%

Sumber: Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor semester Mac 2023

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa sebanyak 79% pelajar pada semester Mac 2023 memperoleh bantuan sara hidup, bantuan sara hidup dan yuran pengajian 16%. Manakala bantuan yuran pengajian sebanyak 4% sahaja diberikan kepada pelajar. Secara keseluruhannya dapat menunjukkan bahawa peranan panel temu duga penting dalam menentukan golongan yang benar-benar layak menerima bantuan zakat. Jika tidak ditelusi dengan baik, akibatnya akan memberi kesan besar terhadap agama dan negara.

4.1.2 Penemu Duga Zakat

Seterusnya, peranan panel juga sebagai penemuduga semasa permohonan zakat dijalankan. Permohonan zakat mempunyai proses. Antara proses awal yang dilakukan adalah penerimaan permohonan dan semakan tatatertib oleh Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) diperingkat pertama sehingga ke tiga. Seterusnya, peringkat ke empat pelajar akan melalui proses temu duga zakat yang dijalankan oleh pegawai yang dilantik khas serta mempunyai nilai profesional. Setiap panel diberikan 15 orang pelajar dan tempoh temu duga sekurang-kurangnya dalam masa 3 minggu. Proses ini dijalankan secara bersemuka berbanding semasa covid 19 dijalankan secara atas talian. Relevannya adalah disebabkan keberkesanannya melihat sendiri gaya, bahasa dan watak pelajar secara semuka dan dapat berdakwah secara langsung. Antara sebab kaedah ini dijalankan adalah untuk memastikan agihan zakat telus kepada penerima yang layak. Panel temu duga zakat terdiri daripada staf yang dilantik untuk menemui duga pelajar asnaf sebelum diluluskan bantuan zakat. Berikut merupakan carta alir proses temu duga zakat UiTM Cawangan Johor dalam Rajah 1 di bawah:



CARTA ALIR PERMOHONAN ZAKAT UiTM CAWANGAN JOHOR



Rajah 1: Carta Alir Permohonan Zakat UiTM Cawangan Johor

4.1.3 Peranan panel penemu duga dalam melaksana dakwah

Panel temu duga zakat merupakan ahli yang sangat penting bagi memastikan kelancaran proses dan operasi zakat berjalan dengan lebih lancar. Hal ini bagi memastikan semua kebajikan pelajar dapat dijaga. Antara peranan yang dimainkan oleh panel temu duga adalah sebagai pendakwah dengan melibatkan diri dalam aktiviti dakwah. Disamping itu, berperanan untuk memberikan sokongan rohani dan jasmani kepada pelajar. Bahkan menyantuni golongan miskin sebagaimana hadis Rasulullah SAW bermaksud:

Dari Abu Dzar RA, ia berkata: “Kekasihku (Rasulullah) SAW berwasiat kepadaku dengan tujuh hal: (1) supaya aku mencintai orang-orang miskin dan dekat dengan mereka, (2) beliau memerintahkan aku agar aku melihat kepada orang yang berada di bawahku dan tidak melihat kepada orang yang berada di atasku, (3) beliau memerintahkan agar aku menyambung silaturahmiku meskipun mereka berlaku kasar kepadaku, (4) aku dianjurkan agar memperbanyak ucapan lâ haulâ walâ quwwata illâ billâh (tidak ada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan Allah), (5) aku diperintah untuk mengatakan kebenaran meskipun pahit, (6) beliau berwasiat agar aku tidak takut celaan orang yang mencela dalam berdakwah kepada Allah, dan (7) beliau mlarang aku agar tidak meminta-minta sesuatu pun kepada manusia”.

(Hadis Sahih, Riwayat Ahmad: 21425)

Semua panel temu duga diberikan latihan dan bimbingan untuk menjadi panel temu duga. Antara isi kandungan latihan adalah memahami fekah maksud asnaf, kaedah temu duga berkesan, fungsi panel temu duga sebagai kaunselor, penasihat dan pendakwah (Unit Sedekah, Zakat dan Wakaf UiTM Cawangan Johor, 2023). Merujuk kepada permasalahan, terdapat 0.2% daripada 410 orang pelajar tidak dapat menamatkan pengajian pada tempoh yang diperuntukkan kerana bebanan hidup bersendirian. (Unit Zakat Sedekah Wakaf UiTM Cawangan Johor, 2023). Walaupun peratus yang ditunjukkan adalah sangat sedikit, itu ini akan menyebabkan *maslahah* yang besar. Maka, wajar diberikan perhatian yang serius agar pelajar dapat meneruskan pengajian. Jika tidak ditangani, pelajar akan dibuang pengajian atau bertindak di luar kawalan dengan mencari rezeki yang tidak halal. Hubungan antara zakat dan dakwah sangat signifikan disebabkan panel temu duga akan bertindak sebagai pemberi maklumat yang mana mereka berdepan dengan pelbagai ragam dan telatah manusia. Sesetengah institusi menggunakan kaedah temu duga sebagai salah satu syarat untuk meluluskan permohonan. Antara peranan yang wajar dilakukan panel temu duga adalah sebagai daie atau disebut pendakwah. Tugasnya juga untuk memotivasi pelajar dari masa ke semasa. Antara tujuan adalah bagi memastikan semua dokumen yang dihantar tepat, tidak berlaku penyelewengan dan membimbing pelajar. Bagi mencapai tujuan ini, metode komunikasi lisan digunakan panel temu duga untuk memberikan kesan yang mendalam kepada pelajar. Perkara ini juga berdasarkan kepada model sebagaimana berikut: Model-model dua hala antara sumber dan penerima ini menekankan pemahaman konsep dan penerangan sebagaimana Rasulullah SAW bersama malaikat Jibril AS. Dua individu yang saling bersua, berselisih ganti maklumat dan berdialog menggunakan kaedah *mujadalah* (*wajadilhum billati hia ahsan*). Terdapat juga model komunikasi dua hala yang diambil dari model-model para sarjana (Azam Jasa. t.th). Hal ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Model Komunikasi Dua Hala

4.1.4 Aktivitis dakwah

Panel temu duga juga berperanan sebagai aktivis dakwah. Salah satu caranya adalah mendekatkan hubungan panel dengan pelajar dengan menceburkan diri dalam aktiviti menyantuni pelajar seperti program Ziarah Mahabbah anjuran Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor. Program ini dijalankan secara berperingkat memandangkan pelajar asnaf terlalu ramai. Peringkat ini merujuk kepada kawasan yang terlibat. Antara kawasan yang menjadi pilihan ialah negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur (Mahasin Mearaj, 2023). Melalui program lawatan aktiviti dakwah ini, dapat memberi pengisian dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Antara pengisian dan penyelesaian seperti berikut:

a) Nasihat

Pengisian dan penyelesaian pertama adalah dengan memberi nasihat, menyuntik motivasi pelajar dan menyantuni keluarga pelajar. Melalui *dakwah bil hikmah* dan *mauizah hasanah* ini, dapat menaikkan semangat pelajar untuk menamatkan pengajian serta mencari sumber pendapatan sampingan. Manakala keluarga pula diberi input kesedaran agar sentiasa berusaha dalam meningkatkan pendapatan keluarga. Sebagaimana dalam pendekatan dakwah Rasulullah SAW telah menyantuni golongan fakir dan miskin serta memotivasi pelajar agar menjadi pembayar zakat suatu hari nanti (Ruwaida Md Zain, 2022). Ringkasnya, kaedah dakwah *mauizatil hasanah* menerapkan kebaikan dan cara berkomunikasi dengan baik, bukanlah herdikan natau cacian.

b) Menyalurkan Bantuan Ekonomi

Seterusnya, antara pengisian yang diberikan kepada pelajar semasa lawatan Ziarah Mahabbah adalah memberikan sumber maklumat untuk meningkatkan ekonomi keluarga. Pelajar perlu melibatkan diri dengan keusahawanan agar dapat keluar dari kelompok kemiskinan. Aktiviti keusahawanan ini merupakan bantuan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Program berbentuk saluran bantuan bersama NGO ini dapat melihat sendiri keadaan pelajar secara langsung. Hasil tinjauan, terdapat pelajar yang tinggal di rumah setinggan, tidak mempunyai rumah tetap dan boleh dihalau pada bila-bila masa sahaja oleh pemilik tanah (Mahasin Mearaj, 2023). Menerusi saluran bantuan ekonomi ini juga, dapat menyelesaikan beban hidup yang dihadapi.

c) Menyalurkan Bantuan Perubatan

Akhir sekali, penyelesaian dilakukan dengan menyalurkan bantuan perubatan. Ada dikalangan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang tiada kemudahan untuk melanjutkan pelajaran kerana keperluan kerusi roda elektrik yang mahal. Tambahan pula, faktor jarak perjalanan yang menyukarkan, memandangkan kampus UiTM Cawangan Johor kawasannya adalah jauh di antara kolej dan bilik kuliah. Hal ini menyebabkan pergerakan pelajar OKU adalah terbatas. Maka, penyelesaian masalah ini diatasi dengan kerjasama pihak Majlis Agama Islam Negeri. Antara sumbangan yang disalurkan adalah bantuan kerusi roda untuk kemudahan pelajar OKU supaya dapat bergerak dengan lebih pantas. Bagi memastikan maklumat bantuan perubatan ini diterima dan diketahui oleh masyarakat, maka aktiviti seperti program ziarah perlu dikekalkan kerana dapat menyelami sendiri masalah yang dihadapi oleh pelajar (Unit Sedekah, Zakat dan Wakaf UiTM Cawangan Johor, 2022). Selain itu, dakwah *bil hikmah* secara berterusan dijalankan dengan berjumpa pelajar secara bersemuka melalui sumbangan bantuan-bantuan lain iaitu, agihan bantuan berbentuk komputer riba, dapur Ramadan, edaran makanan bubur lambuk dan bantuan baju raya oleh badan bukan kerajaan. Disamping itu, bantuan disalurkan kepada mangsa banjir yang terdiri daripada staf dan pelajar. Seterusnya, bantuan yuran pengajian pelajar yang terkesan dengan banjir dan program anak angkat yang kehilangan ibu bapa. Bantuan juga diberikan kepada golongan yang mempunyai masalah kritis seperti pelajar menyara hidup sendiri untuk menampung kos pengajian. Ada dikalangan pelajar yang sanggup bekerja untuk mendapatkan duit saku. Ditambah juga barang keperluan pengajian



lain ditanggung sendiri. Bantuan ini akan dapat meringankan serba sedikit bebanan yang ditanggung pelajar. Masalah kekurangan kewangan, ekonomi, kekurangan makanan dan tiada duit poket juga akan serba sedikit dapat diatasi. Kesihatan mental dan emosi akan lebih stabil dengan adanya perhatian dan sokongan luar kepada pelajar. Ini dapat mengurangkan tekanan hidup yang dihadapi. Bantuan-bantuan lain ini dapat dilihat secara ringkasnya dalam Jadual 4 di bawah (Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM, 2023).

Jadual 4: Aktiviti Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor

Bil.	Program	Jumlah Penerima
1.	Bantuan dapur Ramadan	50
2.	Edaran bubur lambuk	400
3.	Bantuan baju raya	50
4.	Bantuan duit raya	50
5.	Program belanja raya asnaf	100
6.	Bantuan mangsa banjir iaitu, staf dan pelajar	44 staf dan 37 Pelajar
7.	Bantuan yuran pengajian pelajar mangsa banjir	23
8.	Projek anak angkat alumni	6
9.	Bantuan peralatan kerusi roda pelajar Orang Kurang Upaya (OKU)	1

Sumber: Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor (2023)

d) Perkukuh Aqidah

Peranan panel temu duga zakat seterusnya adalah memberikan sokongan agama daripada aspek rohani agar dapat menguatkan aqidah pelajar asnaf. Fakta ini sangat signifikan dengan pendakwah berdasarkan tahap pendekatan agama (Abdul Halim Abdul Karim & Ahmad Effat Mokhtar, 2019). Oleh kerana proses temu duga zakat ini berlaku setiap semester, panel dapat mengingatkan pelajar agar meningkatkan amalan rohani seperti solat, zikir dan puasa sepanjang pengajian di UiTM. Ditambah pula dengan program anak angkat, pelajar mampu meninggalkan alam kerja semasa belajar untuk fokus kepada pembelajaran. Sebarang permasalahan tentang kerohanian dan agama dapat diaju dan ditanyakan kepada panel temu duga zakat. Sekiranya soalan yang diajukan kepada panel tidak dapat dijawab oleh panel temu duga, mereka boleh merujuk keanggotaan Ahli Jawatankuasa Agihan UiTM setiap cawangan yang terdiri daripada Koordinator, Pakar Rujuk dan Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Majoriti ahli tersebut disandang oleh ahli akademik di kalangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Unit Zakat Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor, 2023). Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa peranan panel temu duga tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa peranan semua pihak seperti badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan institusi pendidikan. Impaknya, agama dan negara bertambah maju dalam perkembangan dunia jika isu zakat diberi perhatian oleh semua pihak.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, peranan panel temu duga memberi kesan kepada penyebaran dakwah dalam zakat. Zakat juga membantu golongan asnaf meringankan beban hidup mereka. Masalah kemiskinan dan kefakiran dapat dibendung dan diatasi melalui program dan aktiviti agihan zakat. Tidak dinafikan bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk menangani isu ini. Kesedaran kepada golongan asnaf penting untuk membendung masalah dalam jangka masa panjang supaya tidak hanya bergantung kepada bantuan zakat pada masa akan datang. Umat Islam di semua peringkat, sebagai sebuah negara, kumpulan dan organisasi, serta individu hendaklah berusaha dalam menyampaikan risalah hidayah Allah yang terakhir kepada manusia. Adalah menjadi tanggungjawab panel penemuduga zakat sebagai agen dakwah untuk membantu serta menyampaikan masej dakwah dapat disampaikan kepada pemohon bantuan zakat khususnya asnaf pelajar dengan adil dan telus, melindungi hak serta kebijakan mereka untuk membuktikan keunggulan sistem Islam mengatasi sistem buatan manusia. Sungguhpun, panel-panel terlatih ini bukan satu entiti atau mana-mana pertubuhan kebijakan Islam, namun aktiviti dakwah yang dijalankan dapat direalisasikan dengan bantuan pihak pengurusan tertinggi UiTM serta badan-badan korporat bagi menjayakan misi dakwah serta berusaha mewujudkan dan memperkasakan program kebijakan bagi membentuk sahsiah pelajar secara tidak langsung. Hakikatnya pelbagai usul atau metod dakwah yang diajar Rasulullah SAW boleh diadaptasi dalam seruan dakwah dengan pelaksanaan pelbagai bentuk kegiatan dakwah dan tarbiyah yang efektif. Hal ini kerana, panel penemuduga adalah pendakwah secara tidak langsung membantu terhadap pembangunan sosio ekonomi, akademik, akidah, dan akhlak pelajar khususnya.



5.1 Cadangan kajian lanjutan

Proses penyebaran tidak terhenti dan hanya terhad diperingkat peranan seorang panel penemuduga, kerana dimensi dakwah adalah berkaitan dengan cara mentransformasikan nilai-nilai ajaran Islam sebagai masej dakwah yang perlu difahami dan diaplikasikan iaitu, pelajar seharusnya berjaya menghadapi perubahan ke arah yang lebih baik samada dalam membentuk sahsiah diri, akademik dan pembangunan ekonomi. Oleh itu, penelitian selanjutnya kajian mengenai implikasi pendekatan dan strategi dakwah boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Pendekatan metod dakwah zakat dilaksanakan secara berterusan dan terancang, mampu memberi impak besar kepada asnaf pelajar yang memerlukan dan perkembangan dakwah Islamiyah. Selain itu, pembangunan model pemerkasaan panel temuduga zakat bersepada dalam konteks mensejahterakan masyarakat atau pelajar hendaklah dirangka dan dilaksanakan dengan sistematis.

Rujukan

Al-Quran

- Al-Maani li Kulli Rasm Ma’na. (2010). <https://www.almaany.com/> diakses 6 Julai 2023.
- Abdul Halim bin Abdul Karim. & Ahmad Effat bin Mokhtar. (2019). Peranan Badan-badan dakwah dalam mendekati golongan gelandangan: Satu Tinjauan. *Jurnal al-Sirat*. <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/download/72/60/125> diakses 19 Julai 2023.
- Alwi Abdul Qadir As-Syaqqaf. (2023). *Al-Mausuah al-Hadis*. <https://dorar.net/hadith/sharh/145082> diakses 19 Julai 2023.
- Azam Jasa. (t.th). *Model-model Komunikasi*. Universiti Utara Malaysia.
- Azlina Mohd Khir (2022). Isu Kesihatan Mental Dalam Kalangan Mahasiswa: Bagaimana Pensyarah Dapat Membantu? Diakses 11 Ogos 2023. https://cadelead.upm.edu.my/artikel/isu_kesihatan_mental_dalam_kalangan_mahasiswa_bagaimana_pensyara_h_dapat_membantu-70365
- Hasan Bastomi. (2016). Dakwah bi al-hikmah sebagai pola pengembangan sosial keagamaan masyarakat. *Jurnal Ilmu Dakwah*. 36 (2), <https://journal.walisongo.ac.id/index.php/dakwah/article/view/1776/1394>
- Ibn Kathir. (2015). *Tafsir Ibn Kathir*. Penerbit Insan Kamil
- Ibn Manzur. (t.th). *Lisan al-'Arab*. Jil. 10, 8 dan 5. Dar Sadir
- Mahasin Mearaj. (2023) Ziarah Mahabbah Santuni Kehidupan Pelajar Asnaf. *UiTM News Hub*. <https://news.uitm.edu.my/ziarah-mahabbah-santuni-kehidupan-pelajar-asnaf/>, diakses 19 Julai 2023.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. 2023. *Skim bantuan*. https://www.maij.gov.my/?page_id=405 diakses 19 Julai 2023.
- Mek Wok Mahmud. & Sayed Sikandar Shah Haneef. (2008). Debatable issues In Fiqh Al-Zakat: A Jurisprudential Appraisal. *Jurnal Fiqh*. 5 (2008), <https://Fiqh.Um.Edu.My/Index.Php/Fiqh/Article/Download/4154/2010/10169> diakses 19 Julai 2023.
- Mohamad Hafiz Yusoff Bakri (2022). 129,780 pelajar UiTM B40. *Utusan Malaysia*. https://www.utusan.com.my/berita/2022/04/129780-pelajar-utm_b40/#google_vignette, diakses 19 Julai 2023
- Mohamad Sabri Haron&Riki Rahman. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berdasarkan Maqasid Al-Syari'Ah. *Labuan e-Journal Of Muamalat And Society*, Vol. 10, 2016, Pp. 129-140. <https://Jurcon.Ums.Edu.My/Ojums/Index.Php/Ljms/Article/View/2581/1708>. Diakses 19 Julai 2023. Doi: [Https://Doi.Org/10.51200/Ljms.v10i.2581](https://Doi.Org/10.51200/Ljms.v10i.2581)
- Mohd. Hafiz Zulfakar & Muhammad Hafizi Zamri (2023). Satu Daripada Empat Mahasiswa Terjejas Masalah Mental. *Utusan Malaysia*
- Mu'jam Ummahat al-Af'al*. (1997). Dar al-Garb al-Islam.
- Muhamamd Idris al-Marbawi. (1933). *Bahr Maazi*. Matbaah Mustafa: Mesir
- Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugha&Ali As-Syarbani. (2016). *Feqh Manhaji*. Jil. 2. Pustaka Salam: Selangor.
- Nur Iftitah Rozlan, Muhammad Yusainy Mohamad Yunus, Raja Nur Faznie Aida & Nurhidayah Hairom. (2022). Rakyat Malaysia terlebih makan. Sinar Karangkraf. <https://premium.sinarharian.com.my/article/190131/fokus/laporan-khas-/rakyat-malaysia-terlebih-makan> diakses 17 Julai 2023.
- Qutb, Sayyid. (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an Di Bawah Bayangan al-Quran*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Jil: 10. Kuala Lumpur: Nasional Malaysia Berhad.
- Roshayani Binti Arshad et. Al. (2019). Siri Kajian Azka Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Dari Institusi Korporat. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ)



Ruwaida Md Zain. (2022). 1,228 Asnaf Kini Usahawan Berjaya, Jadi Pengeluar Zakat. bhnews@bh.com.my diakses 19 Julai 2023.

Syed bin Ali bin Wahf al-Qahtani. (2010). Al-Zakah Fi Al-Islam Fi Dui al-Kitab Wa al-Sunnah. Markaz al-Dakwah Wa Al-Irsyad bi al-Qasb: Al-Nasyr

Unit Zakat Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Johor. 2023.
https://johor.uitm.edu.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&layout=edit&id=104 diakses 19 Julai 2023.